

Headline	Terengganu jana tenaga elektrik dari tenaga solar		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	17 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	News	Page No	17
ArticleSize	391 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,299		



## Terengganu jana tenaga elektrik dari tenaga solar

**KEMAMAN** – Kerajaan negeri menerusi anak syarikatnya, Eastern Pacific Industrial Corporation (EPIC) Bhd berjaya menghasilkan sumber bekalan tenaga baharu ('renewable-energy') dengan siapnya

Loji Janakuasa Tenaga Solar Berkapasiti 18.5 Megawatt (Mw) di Teluk Kalong, di sini, sekali gus menjadi loji jana kuasa solar terbesar beroperasi di negara ini.

Menteri Besar, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, projek bernilai kira-kira RM86 juta membabitkan tapak seluas kira-kira 70 ekar itu telah beroperasi sejak 14 Januari 2018 lalu berjaya menghasilkan tenaga solar berkapasiti 18.5 mw.

Katanya, kejayaan EPIC Bhd mengeluarkan tenaga elektrik melalui teknologi kuasa solar itu adalah sebahagian daripada usaha serius kerajaan negeri untuk mencuba pelbagai kaedah baru bagi mempelbagaikan sumber pendapatan termasuk menjimatkan perbelanjaan negeri.

"Ia juga dapat memberi peluang kepada rakyat Terengganu menceburi bidang baharu seperti teknologi penggunaan kuasa solar dan angin seterusnya



Loji janakuasa tenaga solar ini menjadi loji janakuasa solar terbesar di negara ini sekarang.

menjadi pengeluar tenaga itu pada masa hadapan.

"Kelebihan teknologi solar ini, kos penyelenggaraannya rendah. Untuk projek ini, EPIC Bhd dijangka meraih keuntungan berjumlah RM273 juta untuk kontrak selama 21 tahun," katanya pada sidang media selepas melancarkan loji jana kuasa tenaga solar itu semalam.

Ahmad Samsuri berkata, penggunaan tenaga solar adalah percuma namun kerajaan negeri terpaksa membuat pelaburan yang agak tinggi dan ia dapat membantu bidang industri yang ada di sekitarnya

untuk mencipta pembangunan teknologi baharu.

Katanya, tenaga solar yang dihasilkan itu dijual kepada Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan ia dapat membantu kerajaan negeri mendapat sumber pendapatan baharu.

Menurut Dr Ahmad Samsuri, sebelum ini juga kerajaan negeri turut membuat pelaburan bagi mencuba mencari tenaga baharu seperti menggunakan teknologi daripada angin tetapi ianya agak kurang berjaya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC Bhd, Noor



Ahmad Samsuri menurunkan tandatangan pada plak perasmian sebagai gimik pelancaran Loji Jana kuasa Tenaga Solar Berkapasiti 18.5 mw di Teluk Kalong.

Fadzil Mohamed Nor berkata, projek loji janakuasa itu menjadikan EPIC Bhd melangkah setapak lagi ke hadapan dengan melibatkan diri dalam perkhidmatan pembangunan Stesen Janakuasa Solar Berskala Besar 'Photovoltaic' dengan mengetengahkan sumber tenaga baharu atau 'renewable-energy' menggunakan teknologi sumber tenaga hijau iaitu tenaga suria atau solar di Pantai Timur.

Katanya, secara keseluruhannya pencapaian dan kemajuan projek itu telah mencapai sasarannya setelah beroperasi secara rasmi pada 23

Mac lalu.

"Dengan adanya loji jana kuasa ini secara langsung akan memberi impak yang positif kepada Terengganu. Ini kerana projek solar ini merupakan sebuah model contoh dan teras bagi memacu pertumbuhan ekonomi apabila inovasi dalam bidang berkenaan dapat digunakan oleh industri.

"Ia juga membawa manfaat kepada pengguna termasuk kilang, bangunan komersial, pentadbiran dan juga perumahan penduduk," katanya lagi.